



PUAN NOR AZIZAH BINTI MOHAMAD

Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM

Melalui dan Salinan;

Ketua

Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM

Puan,

TAWARAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PEG. PEMULIHAN PERUBATAN GRED U44 (LK), HCTM, PPUKM

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pihak pengurusan telah bersetuju meluluskan kenaikan pangkat puan ke jawatan **Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U44 (LK)** berkuatkuasa mulai **22 Oktober 2015** dengan gaji **RM 4,127.98** sebulan di atas matagaji seperti berikut:

U44	:	RM 3,417.00	-	RM 9,485.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM 400.00		
Imbuhan Tetap Keraian	:	RM 400.00		
Bayaran Sara Hidup	:	RM 300.00		

Syarat-syarat perkhidmatan puan yang lain adalah seperti dalam **Skim Perkhidmatan Pegawai Pemulihan Perubatan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)**. Sukacita sekiranya puan dapat melengkapkan surat setuju terima kenaikan pangkat yang dilampirkan dan kembalikan ke Jabatan Sumber Manusia dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ini untuk tindakan selanjutnya. Sekiranya Jabatan Sumber Manusia tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tersebut, tawaran ini akan terbatal.

Walau bagaimanapun surat tawaran ini tertakluk kepada kelulusan Tapisan Keutuhan dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sukacita diingatkan bahawa dengan peningkatan gred ini bererti berlaku peningkatan dalam skop dan kompleksiti tugas puan. Semoga kejayaan ini akan menjadi dorongan kepada puan untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang bagi perkembangan dan kemajuan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM. Saya bagi pihak Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM mengucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ALIZA MANSOR

Ketua

Jabatan Sumber Manusia

Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM

s.k

-

Ketua Seksyen HRMIS, Jabatan Sumber Manusia, HCTM, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No.: AR 3962